

**KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH AKTA PASPORT-PASPORT PENGGAL 146**

PER dan DEFINISI	HUKUMAN
3 (1) Tiap-tiap orang yang memasuki Negara Brunei Darussalam hendaklah mengemukakan sesuatu pasport kepada seseorang Pengawal Imigresen	Boleh didenda tidak lebih dari \$5,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun dibawah peruntukan Bab 12(2) Akta Pasport-Pasport Penggal 146
3 (2) Tiap-tiap orang yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam hendaklah mengemukakan sesuatu pasport kepada seseorang Pengawal Imigresen	Boleh didenda tidak lebih dari \$5,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun di bawah Peruntukan Bab 12(2) Akta Pasport-Pasport Penggal 146
12 (1)(a) Memalsukan, menukar atau mengubah kandungan sebarang pasport atau surat perjalanan dalam negeri, atau sebarang visa atau catitan didalamnya atau tanpa kebenaran yang sah menggunakan atau mempunyai ada pada miliknya sebarang pasport atau surat perjalanan dalam negeri yang telah dipalsukan, ditukar atau diubah kandungannya demikian.	Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun di bawah Peruntukan Bab 12(1) (a) Akta Pasport-Pasport Penggal 146
12 (c) Menyamar atau mengaku dirinya dengan palsu sebagai atau bukan sebagai seorang yang kepada siapa sesuatu pasport atau surat perjalanan dalam negeri telah dikeluarkan dengan sewajarnya	Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun dibawah peruntukan Bab 12(1) (c) Akta Pasport-Pasport Penggal 146

<p style="text-align: center;">12 (1)(f)</p> <p>Membenarkan sesiapa jua orang supaya memiliki sebarang pasport atau surat perjalanan dalam negeri yang telah diperolehi akibat dari membuat kenyataan mustahak yang palsu atau meneghentikan atau akibat dari mengemukakan keterangan palsu.</p>	<p>Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun dibawah peruntukan Bab 12(1) (f) Akta Pasport-Pasport Penggal 146</p>
<p style="text-align: center;">12 (1)(g)</p> <p>Tanpa kebenaran yang sah ada mempunyai pada misalnya sebarang pasport atau surat perjalanan yang telah dikeluarkan bagi kegunaan seseorang selain dirinya sendiri.</p>	<p>Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun dibawah peruntukan Bab 12(1) (g) Akta Pasport-Pasport Penggal 146</p>
<p style="text-align: center;">12 (1)(h)</p> <p>Dengan sengaja membuat sesiapa jua supaya memasuki Negara Brunei Darussalam bertentangan dengan perintah ini</p>	<p>Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun di bawah peruntukan Bab 12(1) (h) Akta Pasport-Pasport Penggal 146</p>
<p style="text-align: center;">12 (1) (i)</p> <p>Dengan sengaja membantu siapa jua orang supaya melanggar peraturan ini</p>	<p>Boleh didenda tidak lebih dari \$10,000 dan boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun di bawah Peruntukan Bab 12(1) (i) Akta Pasport-Pasport Penggal 146</p>